

Kerajaan bagaimana pilihan Dr. Mahathir

MAJALAH "Crescent" yang terbit di Canada dan dilaporkan dibiayai oleh Iran, baru-baru ini menggesa PAS supaya belajar dari revolusi Iran, seruan itu dibuat dalam satu ulasan mengenai pilihanraya di Malaysia baru-baru ini.

Minggu ini MINGGUAN MALAYSIA menyiarkan interviu Datuk Sri Dr. Mahathir dengan majalah "Impact International" yang terbit di London dan telah sekian lama memuatkan berita dan rencana mengenai pelbagai perkembangan dalam dunia Islam. Majalah tersebut diterbitkan dua kali sebulan, dan menyiarkan "Pandangan kaum Islam mengenai hal ehwal semasa".
- Pengarang.

APAKAH cita-cita atau impian Dr. tentang Malaysia, iaitu Malaysia yang bagaimanakah yang ingin Dr. wujudkan?

Dengan soalan yang semudah ini, anda mungkin telah memberi dorongan yang secukupnya kepada Dr. Mahathir untuk memperbincangkan setiap perkara yang indah dan baik yang ingin beliau laksanakan di negara ini di bawah pucuk pimpinannya sendiri.

Respon kepada soalan yang mudah seumpama ini dapat membantu anda membuat satu pendapat awal tentang jiwa dan kebolehan Dr. Mahathir sebagai seorang ahli politik atau negawawan. Tetapi Perdana Menteri nampaknya bukanlah seorang yang bertindak sekadar menonjolkan cita-cita atau impiannya sahaja seperti mana yang sering ditunjukkan dalam sikap kebanyakan ahli-ahli politik dalam dunia Islam. Beliau nampaknya lebih mengutamakan atau lebih mempercayai "pencapaian" daripada "impian".

Amerika Syarikat di mana seorang pegawai kerajaan membawa keluar dokumen sulit negara, kemudian mendedahkan kandungannya kepada pihak akhbar dan terlepas dari sebarang tindakan sudah tentu akan menghancurkan sebuah negara seperti Malaysia".

Kerajaan tidak boleh berfungsi dari dalam rumah kaca. Ia perlu melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu secara sulit demi untuk kepentingan rakyatnya sendiri".

"Dari itu", kata Dr. Mahathir, "dalam demokrasi, sekatan-sekatan yang munasabah dan berpatutan mestilah diadakan". Kedua, katanya, "hak demokrasi tidak pernah diamalkan untuk membenarkan seseorang itu menggunakan demokrasi bagi menghancurkannya.

Misalnya, satu-satunya sebab kenapa kami mengharamkan Parti Komunis di Malaysia ialah sekali ia berkuasa melalui pilihanraya, ia pasti akan membasmi pilihanraya dan demokrasi seperti yang kita sama-sama maklum. Hak-hak demokrasi kita tidak diberikan kepada golongan yang mahu menghancurkan demokrasi".

Sedikit kontroversi timbul dalam kenyataan bahawa kebebasan tidak boleh dipraktikkan secara "mutlak". Apa yang lebih membimbangkan rakyat jelata ialah kedudukan Dr. Mahathir, iaitu hak-haknya terhadap kuasa. Di mana kedudukannya andai kata hak-haknya dirampas atau beliau disalah tuduh atau teraniaya.

Inilah satu perkara yang telah menimbulkan ketegangan dan kedukaan dalam masyarakat kita.

"Ya, perkara itu memang benar. Sebagaimana yang anda ketahui dulu, saya sendiri telah terancam akan kehilangan kebebasan saya sendiri akibat bangkangan saya terhadap kerajaan. Tetapi saya dapati mereka tidak bertindak secara melulu sebaliknya dengan penuh teliti dan berhati-hati.

Begitulah cara yang dipraktikkan di Malaysia pada setiap masa. Hak-hak individu terhadap proses pengadi-

"Ada perbezaan di antara impian dan pencapaian. Kita semua memang mahu agar Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur, di mana para penduduknya hidup aman sentosa, riang gembira, bersatu padu dan menitik-mati hak-hak persamaan.

Tetapi saya ragu-ragu sama ada impian itu dapat dilaksanakan. Jadi apa yang sedang kami cuba lakukan sekarang ialah mempraktikkan apa yang dapat dipraktikkan: Untuk cuba memastikan bahawa para penduduk di negara ini, tanpa mengira kaum Melayu, Cina atau India atau beragama Islam atau bukan Islam, haruslah menganggap kehidupan sebagai satu kemuliaan di samping berusaha dengan harapan untuk menjadikan diri mereka dan taraf hidup mereka lebih bererti dan sempurna dan seterusnya bebas dari perasaan bimbang terhadap penindasan.

Dari segi ekonomi, kami mahu setiap penduduk berasa bahawa mereka mempunyai hak perkongsian yang sama rata dalam kekayaan di negara mereka, iaitu perkongsian yang datangnya dari usaha dan ketekunan mereka sendiri.

Bagaimanapun, kami tidak menganggap kekayaan kebendaan sebagai sesuatu yang tidak penting, tetapi kami mahu satu persimbangan yang sama diwujudkan di antara pencapaian-pencapaian kebendaan dan pencapaian-pencapaian kerohanian. Kami berharap agar para penduduk di negara ini akan hidup dalam suasana harmoni dan maju".

Banyak tafsiran

Keharmonian dan kemajuan adalah kata-kata yang indah tetapi ia juga mempunyai pertalian yang amat erat dengan penyertaan para penduduk dalam struktur politik di negara ini dan juga kualiti hak-hak asasi manusia yang dinikmati oleh para penduduk.

Pengalaman dunia Islam dalam aspek ini begitu cetek. Jadi apakah idea-idea dan objektif-objektif Dr. Mahathir dalam perkara ini?

Perdana Menteri menaruh kepercayaan kepada apa yang dipanggil "demokrasi mempunyai banyak tafsiran. Jelasnya beberapa buah negara pada umumnya menganggap keadaan tidak demokratik sebagai demokratik. Di beberapa buah negara misalnya, hak kebebasan bercakap tidak diberikan kepada para penduduk dan kita tidak pernah melihat sebarang pilihanraya yang sebenarnya diadakan, tetapi mereka masih menganggap diri mereka sebagai "Republik Demokrasi". Dari itu demokrasi bererti berlainan perkara bagi berlainan orang di berlainan tempat pada berlainan...

Dengan tegasnya Dr. Mahathir... kebebasan mutlak tidak pernah wujud. itu ber... Dan ia akan hanya berakhir dengan anarki. Keadaan seperti di

lain dilindungi dan dipelihara sepenuhnya di bawah perlembagaan.

Jika kerajaan percaya ada satu keadaan memerlukan penahanan seseorang, maka ia mestilah menerangkan sebab-sebabnya. Orang-orang individu berhak mengemukakan pandangan mereka melalui satu proses pengadilan.

Kita tentu faham bahawa langkah-langkah yang amat tegas kadang-kala perlu diambil di bawah keadaan-keadaan tertentu dalam usaha membenteraskan kegiatan-kegiatan subversif tetapi sebagai sebuah kerajaan demokrasi, ia haruslah mempertimbangkan kes-kes itu dengan berhati-hati dalam usaha melenyapkan sebarang kegenteran dan kebimbangan dalam kehidupan rakyat jelata".

Kegenteran dan kebimbangan timbul di Malaysia akibat implikasi-implikasi yang meluas dari penguatkuasaan Akta Pertubuhan bulan Ogos lalu dalam mana seorang kakitangan awam, iaitu pendaftar pertubuhan-pertubuhan, diberi kuasa mutlak untuk mendaftarkan atau membatalkan dan mengisytiharkan mereka sebagai pertubuhan-pertubuhan politik atau mengarahkan pengambilalihan mana-mana pertubuhan kebajikan atau sukarela, persatuan, kelab atau kumpulan-kumpulan persaudaraan dengan hanya berdasarkan kepuasan 'pentadbirannya'.

Tidak terlintas

Adalah dipercayai bahawa akta itu tidak direstui oleh Dr. Mahathir semasa ia dikuatkuasakan. Bagaimanapun, buat masa ini, beliau nampaknya tidak bersedia untuk menarik balik atau meminda akta tersebut. Beliau menekankan bahawa "adil atau tidaknya sesuatu undang-undang itu bergantung bukan kepada ketegasannya tetapi kepada cara ia dilaksanakan.

Kerajaan tidak pernah berniat untuk menindas atau menyekat kebebasan para penduduk dalam sebarang cara sekalipun. Anda boleh lihat sendiri bahawa walaupun undang-undang itu telah dikuatkuasakan, tetapi tak ada seorangpun atau mana-mana pihak yang dihukum di bawah akta tersebut.

Tugas kerajaan adalah untuk melaksanakan undang-undang mengikut cara yang tidak menimbulkan sebarang kegenteran atau penganiayaan dan saya akan memastikan agar ketidakadilan terhindar dalam pelaksanaan undang-undang itu".

Sikap begini memanglah dipuji tetapi tidak memuaskan. Kuasa eksekutif masih meluas. Dan akta itu tidak mengendalikannya kes peribadi Perdana Menteri. Ia lebih banyak menumpukan perhatian kepada birokrasi tetapi menurut Dr. Mahathir:

"Birokrasi berada di bawah kuasa dan arahan kami. Kamilah yang membuat keputusan. Birokrasi perlu menjalankan arahan yang diberikan oleh wakil-wakil rakyat yang dilantik. Jika tindakan wakil-wakil rakyat tidak disukai oleh orang ramai, maka mereka pasti akan disingkirkan".

Perdebatan diteruskan. Tidakkah ia lebih meyakinkan seandainya proses itu turut melibatkan pengadilan? Lagipun bukankah akta itu telah terbukti sebagai merugikan kerajaan daripada menguntungkannya?

Sebagai jawapannya, Dr. Mahathir berkata: Berilah masa kepada saya yang menunjukkan bahawa akta itu tidak

menimbulkan sebarang bahaya kepada sesiapa. Anda kenalah tunggu dahulu untuk mengetahui kerajaan apakah kerajaan kami ini!

Dari isu-isu kebebasan dan hak-hak asasi manusia, perbincangan beralih pula kepada soal Islam.

Jika tidak kerana penghijrahan dan kemasukan sejumlah besar orang-orang bukan Islam dari Cina dan India semasa zaman penjajah dulu, Malaysia sudah tentu menjadi sebuah negara di mana kesemua para penduduknya adalah pengikut-pengikut Islam seperti di negara jiran Indonesia.

Sama ada anda suka atau tidak perlembagaan Malaysia telah mengiktirafkan Islam sebagai agama rasmi walaupun ia bertentangan dengan keinginan ahli-ahli British dalam jawatankuasa perlembagaan. Bagaimanapun walaupun ia lebih merupakan istiadat dari peraturan, namun begitu aspirasi dan semangat kemasyarakatan Melayu tetap Islam seratus peratus.

Dr. Mahathir sendiri ada menyatakan bahawa Islam adalah satu agama yang terperinci dan munasabah. Jadi di manakah beliau bercadang untuk menempatkan Islam dalam rangka kerja dasarnya?

"Jawabnya di mana-mana. Sebagai satu cara hidup, Islam jelasnya akan mempengaruhi secara praktikal tiap-tiap satu pegangan yang diambil kira. Persoalan yang lebih penting yang perlu diberi perhatian ialah sama ada apa yang kami lakukan itu bersesuaian atau tidak dengan Islam".

Walaupun mempunyai "pengaruh" atau bertindak "bersesuaian" dengan Islam tidak semestinya menjadikan Islam sebagai faktor penentuan dalam dasar negara, tetapi pandangan Dr. Mahathir mencerminkan satu kenyataan dalam konteks Malaysia.

berhati-hati dalam perkara ini".

Dalam lain perkataan tugas itu bermaksud menyediakan dan melaksanakan dalam proses persediaan. Bolehkah tugas itu dihuraikan pengertiannya dalam cara begini?

Dr. Mahathir: "Ya, kerana tugas melaksanakan undang-undang Islam bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dengan sekali langkah sahaja. Malah Nabi Muhammad S.A.W. telah mengambil masa selama 23 tahun untuk melaksanakannya sepenuhnya.

Lagipun keadaan dalam dunia Islam tidak mengizinkan pelaksanaan undang-undang Islam secara tegas tanpa menimbulkan kesan-kesan buruk. Itulah sebabnya kenapa kita menghadapi berbagai masalah sekarang. Namun begitu, paksaan tidak pernah dan tidak akan menjadi satu amalan di Malaysia. Kami akan meyakinkan para penduduk bahawa kami tidak memaksa mereka."

"Sesungguhnya Islam bukanlah satu tekanan dan soal paksaan ke atas orang-orang bukan Islam tidak timbul sama sekali. Tetapi buat orang-orang Islam, mereka adalah dikehendaki mengamalkan disiplin Islam mereka sendiri. Apakah pandangan Dr. tentang perkara ini?"

Dr. Mahathir: "Soal utama ialah tentang persediaan. Malah ada di kalangan orang-orang Islam sendiri yang mempunyai tafsiran yang berbeza-beza tentang agama mereka. Jika anda cuba mengenakan tafsiran anda ke atas seseorang yang mempunyai tafsiran yang berlainan dari anda, maka keputusannya tentulah negatif. Saya akan meyakinkan orang-orang Islam tentang kebaikan-kebaikan Islam dan tentang kesetiaan kepada ajaran-ajarannya. Dengan jalan ini, mereka tentu akan menerimanya tanpa sebarang paksaan".

"Ada desas-desus tentang sebuah bank Islam yang bebas dari faedah di Malaysia. Berapa lama lagi bank itu akan ditubuhkan? Dan apakah bank berkenaan akan mengamalkan prinsip bebas dari faedah ke atas orang ramai dan sektor-sektor ekonomi yang lain?"

Kepada bahagian pertama dalam soalan ini, Dr. Mahathir menjawab bahawa mereka sedang "berunding sedalam-dalamnya tentang perkara itu" kerana "kami mahu memastikan cubaan pertama kami ini menghasilkan kejayaan. Soal ini adalah satu soal yang kompleks dan kami tidak mahu usaha kami ini menemui kegagalan. Jika tidak orang ramai mungkin akan "hilang kepercayaan" terhadap prinsip itu sendiri. Itulah sebabnya kenapa kami bertindak dengan berhati-hati dalam soal ini".

Perlu pertimbangan

Bagaimanapun di sini timbul pula masalah penilaian dan penerimaan dan juga soal keperluan dan keazaman politik. Jika difikir dalam-dalam, kita mungkin mendapati bahawa setengah-setengah dari pandangan itu tidak "bersesuaian" tetapi pandangan asas itu nampaknya mencerminkan persaudaraan Islam dan keikhlasan emosi.

Meneruskan perbualan berhubung dengan tempat Islam dalam rangka kerja dasar Dr. Mahathir, Perdana Menteri berkata:

"Kami perlu mempertimbangkan masyarakat dalam mana kami menetap sekarang. Islam bukanlah satu agama yang buta yang memaksa setiap ajarannya dipatuhi tanpa mengira alam sekitar di mana kami tinggal. Islam adalah satu agama yang amat pragmatik. Walaupun agama kami malarang kami memakan daging babi, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu, jika tiada pilihan lain lagi, kami boleh berbuat demikian".

Untuk menyelamatkan diri dari maut?

"Ya, untuk menyelamatkan diri dari maut", kata Dr. Mahathir. "Kami mesti berdiri tegak mengadap Kiblat semasa mengerjakan sembahyang, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu terutamanya bagi seseorang yang uzur dan tidak berdaya, kami boleh bersembahyang mengikut cara yang terdaya. Jadi anda boleh melihat bagaimana pragmatiknya agama Islam".

Ya, memang ada undang-undang yang memaksa dan ada undang-undang yang membuat kelonggaran kepada yang tidak berdaya. Bagaimanapun sebuah masyarakat normal mestilah terus hidup normal?

Dr. Mahathir: "Dalam sebuah masyarakat normal, kami perlu mempertimbangkan kesan-kesan dari penguatkuasaan undang-undang Islam yang tertentu ke atas sebuah masyarakat yang bukan Islam. Jika kami cuba mengisytiharkan undang-undang Islam ke atas orang-orang bukan Islam, maka ini sudah pasti menimbulkan ketidakpuasan dan menjadikan Islam sebagai satu agama yang dibenci.

"Idea kami sekarang adalah untuk memastikan agar para penduduk memahami bahawa Islam adalah satu agama yang munasabah dan boleh diterima.

"Bagaimana dapat kami lakukannya kalau tidak dengan cara menunjukkan kepada para penduduk bahawa Islam tidak memaksa? Satu lagi cara ialah memberi peluang kepada mereka untuk melihat sendiri kebaikan-kebaikan dalam Islam.

Untuk melakukannya, kami perlu mempelajari berbagai tafsiran dalam undang-undang Islam dalam usaha melaksanakan yang bersesuaian sahaja dengan masyarakat kita. Malah masa yang dipilih untuk pelaksanaannya juga perlu dikaji dengan teliti. Jika tidak ia mungkin kembali kepada keadaan asal dan mungkin menyebabkan setengah-setengah golongan menentang Islam. Malah ada juga di kalangan orang-orang Islam sendiri yang menganggap Islam terlalu menindas. Kami perlulah

Bagaimanapun ia nampaknya tidak realistik dan terlalu awal untuk menjangkakan sebarang pembaharuan Islam yang besar dalam ekonomi Malaysia. Dr. Mahathir berkata "jika boleh", sistem bebas dari faedah "dapat diperluaskan" meliputi bidang-bidang lain, tetapi beliau tidak nampak "sebarang sebab kenapa sistem itu tidak boleh berfungsi sejajar dengan sistem lain."

Satu masalah asas timbul di sini. Bagi Dr. Mahathir, "soal apa yang dikatakan faedah dan apa yang tidak telah tidak dibincangkan dan diselesaikan dengan sepenuhnya dalam dunia Islam."

"Ada yang menyatakan bahawa bayaran faedah sebanyak tiga peratus diizinkan manakala yang lainnya berkata empat peratus. Ada yang berkata ajaran-ajaran Quran hanya menegah pengambilan untung sebanyak dua atau tiga kali ganda, iaitu mengenakan bayaran faedah sebanyak 100 hingga 200 peratus"

Walaupun soal apa yang dikatakan riba dan tegahan-tegahannya yang menyeluruh mungkin tidak menimbulkan masalah atau keraguan dalam jiwa orang-orang umum di Malaysia atau di mana-mana, tetapi hakikatnya ialah ramai di kalangan bijak pandai dalam dunia Islam yang "tidak" mengambil berat terhadap hukum yang bersumberkan Quran yang menyebut bahawa menerima faedah bolehlah disamakan seperti "peperangan menentang Allah dan RasulNya" atau dengan pendapat bahawa memberi zakat akan memurahkan rezeki manakala menerima faedah membawa kemerosotan ekonomi.

Dr. Mahathir juga tidak dapat mengeneipkan kenyataan bahawa dunia Islam "kini hidup dengan riba." Daripada berusaha menunjukkan satu contoh tauladan dalam pelaksanaan undang-undang kewangan dan ekonomi menurut Islam, kesemua negara-negara kaya dalam dunia Islam lebih berminat dalam melibatkan diri dalam lapangan peminjaman wang dan mengenakan faedah.

Jika dibandingkan, faedah yang diperolehi dari pelaburan dalam dunia Islam dan Dunia Ketiga adalah kecil. Pihak yang lebih beruntung dari kekayaan dan pelaburan di sana ialah negara-negara maju dan masyarakat pengusaha bank di seluruh dunia. Ada dua masalah di sini ketiadaan rasa keyakinan terhadap apa yang dikehendaki oleh Quran dan Sunnah dan ketiadaan satu tauladan bagi meyakinkan mereka yang lemah.

Hari ini merupakan sambungan hari-hari semalam, bagaimana pula dengan hari esok?

Keraguan tidak lagi timbul dalam finomina para pelajar dan belia-belia Islam di seluruh dunia yang sedang cuba mempereratkan pertalian mereka dengan Islam dan berusaha melaksanakan indentiti mereka yang baru ditemui semula itu.

Ada di kalangan bijak pandai Islam yang berasa bingung dan kadangkala berdukacita tentang kenapa ramai di kalangan anak-anak muda menolak corak kehidupan yang disediakan untuk mereka oleh tadika-tadika, sekolah-sekolah dan universiti-universiti yang berbentuk seperti St. George atau St. Patrick di dalam